

Ruj. Kami: IIM/SB/1 - 06 ( ) (004)  
Tarikh : Muharram 1428h  
Januari 2007

## **SEPERTI DI SENARAI EDARAN**

Y.Bhg Datuk / Dato' / Prof / Tuan / Puan,

### **PROMOSI PERTANDINGAN DEBAT PERDANA INTEGRITI ANTARA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI 2007 DALAM LAMAN WEB UNIVERSITI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara Institusi Pengajian Tinggi 2007 pada 2 hingga 6 Februari 2007 bertempat di UPM. Pertandingan debat ini adalah terbuka kepada semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga Institusi Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih.

3. Objektif utama pertandingan debat ini diadakan ialah untuk menjadikan pertandingan ini sebagai satu wacana ilmu ke arah pengukuhan integriti serta mendedahkan isu-isu yang berkaitan dengan nilai murni, etika dan integriti kepada masyarakat kampus.

4. **Sehubungan itu, pihak Institut ingin memohon jasa baik pihak Y.Bhg Datuk / Dato' / Prof / Tuan / Puan untuk menghebahkan pertandingan debat tersebut melalui laman web universiti masing-masing.** Bersama ini dilampirkan ringkasan mengenai Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara Institusi Pengajian Tinggi 2007 untuk perhatian dan tindakan pihak Y.Bhg Datuk / Dato' / Prof / Tuan / Puan. *Softcopy* ringkasan akan dihantar melalui e-mel Y.Bhg Datuk / Dato' / Prof / Tuan / Puan. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi Encik Izal Arif b. Zahrudin di talian 03-6209 2085 atau e-mel : [izal@iim.com.my](mailto:izal@iim.com.my)

5. Segala kerjasama dan bantuan pihak Y.Bhg Datuk / Dato' / Prof / Tuan / Puan bagi menjayakan pertandingan Debat Perdana Integriti ini adalah sangat-sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MEMBUDAYAKAN INTEGRITI MASYARAKAT MALAYSIA”**

Yang ikhlas,

**(MAZILAN B. MUSA)**

Pengarah Sektor Sosiobudaya  
b.p Presiden  
Institut Integriti Malaysia

☎ 03-6209 2081

☎ 03-6209 2195

✉ [mazilan@iim.com.my](mailto:mazilan@iim.com.my)

- s.k. - **Y.Bhg Prof. Dr. Mohammad b. Hj. Alias**  
Timbalan Rektor (HEP & Alumni)  
Merangkap Pengerusi MADUM  
Kolej Universiti Islam Malaysia
- **En. Fahmi Azar Mistar**  
Penolong Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor